

18/10/1999

Keperitan lalu wajar jadi pengajaran

Permahati Pinggiran

NAMPAKNYA kenyataan yang di dikeluarkan oleh Karpal Singh di Mahkamah Tinggi pada 10 September 1999 yang mengatakan ujian air kencing Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dijalankan di Makmal Patologi Gribbles, Melbourne, Australia mengandungi keracunan arsenik lebih daripada paras normal, berjaya mempengaruhi penyokong fanatik reformasi.

Persoalannya layakkah seorang peguam handalan tanpa bukti sahih menerima bulat keputusan itu apatah pula ia dibuat di mahkamah, tempat keadilan (bukan parti) ditegakkan.

Kenyataannya pula disambut dengan penuh ketaksuban oleh ketua-ketua parti pembangkang. Kenyataan ini adalah peluru berpandu kepada mereka. Lantas mereka menghalakan sasarannya kepada kerajaan yang memerintah. Mereka menembak dengan membuta-tuli di dalam akhbar, majalah dan road show yang dianjurkan saban malam di segala pelusuk tanah air.

Layakkah pemimpin yang bertindak seperti Karpal itu memerintah negara? Apatah lagi mereka itu kebanyakan mendakwa diri mereka ustaz dan ulama.

Sepatutnya orang-orang ini berfikiran waras, tidak boleh menerima berita dan yang belum sahih benar tidaknya. Jika situasi begini berlaku ia dinamakan menghasut. Apa hukumnya menghasut dalam Islam? Tentu mereka kata boleh, sebab ia memberi keuntungan kepada mereka.

Hujahan mereka ini berjaya membakar segelintir penyokong. Maka terjadilah perhimpunan haram di rumah suci Allah S.W.T.

Orang kafir pun dibawa masuk masjid bagi membakar semangat anak-anak muda yang kebanyakannya lahir pada zaman mewah. Semua undang-undang sama ada undang-undang dunia atau akhirat mereka langgar, konon mereka berada di pihak yang benar.

Sekarang apa pula alasan mereka selepas disahkan oleh makmal dalam dan luar negeri bahawa kenyataan yang dikeluarkan itu tidak benar. Saya rasa tidak usahlah diteruskan usaha memecahkan keamanan yang sudah sekian lama dipupuk oleh pejuang kita sejak dulu lagi kerana keamanan itu tidak boleh dibeli dengan wang ringgit.

Kalau kita tersilap jalan, baliklah segera ke pangkal jalan. Perjuangan yang tidak tentu hala tuju itu akan memudaratkan masa depan generasi anak cucu kita.

Sebenarnya saya pun bukanlah orang kuat menyokong mana-mana parti. Saya adalah pengundi atas pagar, tetapi selalunya menggunakan hak mengundi setiap lima tahun sebaik mungkin. Saya sentiasa mengikuti perkembangan politik sejak dulu, tetapi tidak mudah untuk menerima sebarang hasutan.

Jika sesetengah pengikut reformasi itu baru berjinak-jinak dengan perjuangan Anwar, saya sebenarnya sudah mengikutinya demonstrasi Baling lagi sehinggalah Anwar dibawa masuk ke dalam kerajaan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Seterusnya beliau melangkah laju di dalam kerajaan. Namun, apabila Anwar didapati bersalah, saya tidak dapat terima perjuangannya sebab saya menghargai perjuangannya tetapi tidak taksub.

Sebenarnya pengundi di atas pagar seperti saya majoritinya mengundi parti yang memerintah. Kami ini tiada kepentingan diri. Itulah sebabnya kami ini seolah-olah seperti terabai.

Saya sendiri walaupun belum pernah mengundi pembangkang tetapi sehingga lewat usia 40-an sering memohon tanah kerajaan tetapi sekangkang kera pun belum dapat. Lepas bersara itulah satu-satunya rumah daripada pinjaman kerajaan tempat berteduh. Sebabnya orang-orang yang berkuasa di peringkat daerah dan mukim lebih berkuasa menentukannya.

Kalau dilihat daripada apa yang berlaku hari ini, kadang-kadang terasa amat pilu menikam jiwa. Kadang-kadang terasa ngeri. Persoalan timbul apakah warga Malaysia sudah bosan kepada keamanan yang dialami sekarang, lantas rela diri dijadikan buah catur oleh anasir jahat dari dalam dan luar negara untuk membunuh sesama sendiri.

Mungkin kebanyakan kita terlena selama ini dibuai oleh kemewahan menyebabkan kita lupa kesengsaraan dulu. Bagi yang lahir selepas merdeka mungkin mereka tidak membaca sejarah lantas menganggap kemerdekaan yang kita lalui ini diperoleh bagi bulan jatuh ke riba.

Lupakah kita bagaimana azabnya hidup sebelum merdeka dulu? Pada waktu itu kehidupan amat sengsara. Untuk mendapatkan makanan berzat amat susah walaupun harganya amat murah. Ikan laut sebulan sekali payah hendak dirasa apatah lagi daging, masak nasi terpaksa dicampur dengan ubi atau keledak kemudian terpaksa pula diagih-agih antara adik-beradik takut tidak cukup.

Sayur pula terpaksa dicari pucuk ubi, pucuk paku, pucuk cemperai atau rebung. Dapat makan sawi seminggu sekali pun sudah dianggap mewah. Kalau hendak mendengar radio terpaksa menumpang rumah jiran yang kaya di sesebuah kampung. Tahap kesihatan amat teruk, jarang-jarang ibu yang melahirkan anak selamat kedua-duanya. Kalau hidup pun susah hendak dicari yang benar-benar sihat.

Kalau kita duduk di kawasan hitam (kawasan yang banyak komunis) terpaksa pula menghadapi perintah berkurung, waktunya mengikut tahap keselamatan sesebuah tempat, ada 12 jam, 18 jam atau mungkin 24 jam tidak boleh keluar rumah.

Kalau ke sekolah pula, itulah sepasang baju yang dipakai, apabila kotor balik sekolah terus basuh dan jemur, esok pakai semula. Di sekolah pula ada latihan kecemasan yang dipanggil loceng gila.

Apabila loceng atau siren dibunyikan semua murid-murid lari ke padang meniarap menyelamatkan diri.

Itu adalah tanda berlaku kecemasan tanda serangan sama ada oleh tentera British atau komunis (sering disebut Bintang Tiga).

Senario begini berterusan sehinggalah akhir tahun 50-an dan awal kemerdekaan. Kalau sekarang, sama ada kita tinggal di Johor atau di Perlis, saya rasa anak-anak kita belum bersekolah lagi sudah kerap ke Kuala Lumpur, tetapi tidak dulu.

Pertama kali saya yang tinggal di Segamat datang ke Kuala Lumpur ialah pada 31 Ogos 1957, itu pun melalui rombongan. Ketika menunggu tarikh itu, tidak lena tidur dibuatnya. Seingat saya ketika itu ada tiga bas pergi ke Kuala Lumpur. Rasanya hampir separuh hari baru sampai.

Disebabkan sengsaranya ketika dijajah menyebabkan orang-orang tempat saya sanggup bergolok-bergadai untuk ke Kuala Lumpur bagi sama-sama merayakan sambutan kemerdekaan, sebuah tempat selama itu kita mendengar nama saja. Bayangkan.

Pada awal kemerdekaan, kehidupan seharian masih gawat. Kehidupan seharian masih kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Ambillah secebis pengalaman ini untuk dijadikan perbandingan hari ini. Sebenarnya apa yang tersurat ini cuma secebis daripada yang tersirat.

Wahai bangsaku marilah kita bersatu. Kemajuan perdana yang kita tempuh ini bukan mudah dicapai hingga menimbulkan cemburu pihak asing. Janganlah akhirnya nanti kita menjadi pelarian di negara sendiri. Jangan taksud dengan kata-kata indah. Tidak akan Melayu hilang di dunia.